

**ANALISIS KEPENGARANGAN J.M AZIZ DAN NILAI-NILAI
KEMANUSIAAN DALAM SAJAK-SAJAK J.M AZIZ
BERDASARKAN PENDEKATAN SISTEM
PEMIKIRAN BERSEPADU 4L
(LUHUR , LAHIR, LOGIK ,
DAN LATERAL)**

ROSLAN BIN ABDUL WAHID



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007

**ANALISIS KEPENGARANGAN J.M AZIZ DAN NILAI-NILAI
KEMANUSIAAN DALAM SAJAK-SAJAK J.M AZIZ
BERDASARKAN PENDEKATAN SISTEM
PEMIKIRAN BERSEPADU 4L
(LUHUR , LAHIR, LOGIK ,
DAN LATERAL)**

ROSLAN BIN ABDUL WAHID

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007

PENGAKUAN

Saya mengaku Kertas Projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

02.04.2007

ROSLAN BIN ABDUL WAHID
M20051000011



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan kertas projek ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr.Hjh Siti Khariah Mohd Zubir kerana telah membimbing dan memberikan tunjuk ajar serta teguran dalam menyelia kertas projek ini. Dr. Hjh Siti Khariah bukan sahaja sebagai penyelia malah juga dilantik sebagai penasihat akademik sepanjang pengajian saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Segala tunjuk ajar beliau amat dihargai dan nasihat yang diberikan banyak membakar semangat ini untuk melakukan yang terbaik.. Semoga Allah melimpahkan rahmat, kasih dan ketenangan yang berpanjangan kepada beliau atas segala budi dan jasa yang telah dicurahkan.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada semua pensyarah Jabatan Kesusastraan Melayu terutama sekali kepada Ketua Jabatan Kesusastraan Melayu yang telah banyak mencerahkan bakti, masa dan tenaga sepanjang pengajian saya di Fakulti Bahasa. Sesungguhnya segala pendedahan dalam pengajaran dan pembelajaran yang ditimba sepanjang pengajian di sini telah mematangkan dan membitarkan diri ini.

Buat ibu dan ayah , Mariana isteri tersayang, semangatku ada padamu, Anis dan Arif anak-anak tercinta terima kasih kerana sentiasa bersabar, memahami dan memberikan semangat agar kejayaan sentiasa disisi. Terima kasih di atas pengorbanan yang diberikan. Akhir kata , buat rakan-rakan seperjuangan persahabatan antara kita tidak berakhir di sini , terima kasih kerana banyak memberikan pertolongan dan tunjuk ajar. Segala budi dan jasa kalian hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalaunya.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu usaha penyelidikan tentang biografi dan kepengarangan J.M Aziz atau nama sebenarnya Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Kini Allahyarham) yang aktif dan gigih dalam menghasilkan sajak-sajak yang bermutu sekitar 50-an hingga 90-an. Kajian dijalankan dengan menyatakan latar belakang J.M Aziz dan menampilkan kekerapan sajak-sajak ciptaannya yang disiarkan di dalam media siaran mengikut kronologi. Analisis kajian pula tertumpu kepada nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak-sajak J.M Aziz yang dipetik daripada buku “ Derita Seorang Seniman” yang diselenggarakan oleh Wahba. Antara nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak-sajak J.M Aziz adalah bertemakan kepada ketabahan, kegigihan ,kesyukuran , keimanan, ketuhanan, kasih sayang dan bertanggungjawab.Segala nilai-nilai kemanusiaan ini digabungjalinkan pula dengan dengan konsep pendekatan *Sistem Pemikiran Bersepadu 4L* yang mengandungi empat modul pemikiran iaitu *Pemikiran Luhur*, *Pemikiran Lahir* , *Pemikiran Logik* dan *Pemikiran Lateral*. Penggabungjalinan nilai-nilai kemanusiaan dengan keempat-empat modul pemikiran ini dilakukan agar mesej yang hendak disampaikan lebih jelas, mantap dan bermakna. Pendekatan **SPB4L** ini telah diperkenalkan oleh Profesor Dato’ Dr. Mohd Yusof Hasan merupakan satu pendekatan yang membicarakan tentang *Pembinaan Paradigma, pemikiran dan Peradaban Melayu* dengan berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pemikiran luhur ialah pemikiran yang berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Pemikiran lahir pula ialah merupakan pemikiran kecemerlangan, kebitaraan, kegemilangan dan kebijaksanaan. Pemikiran logik ialah pemikiran kebenaran, kepastian, ketepatan, dan kesahihan manakala pemikiran lateral pula ialah pemikiran kraetiviti, keindahan, kecantikan dan kesempurnaan. Kesimpulannya, kajian ini bukan sahaja memperlihat keaktifan dan kegigihan J.M Aziz malah kita dapat melihat pengadaptasian di antara nilai-nilai kemanusiaan dengan pendekatan **SPB4L**.

ABSTRACT

This research is a great research effort on the biography and written work by J.M Aziz bin Abdul Rahman, whose real name is Abdul Aziz bin Abdul Rahman. He was active and prominent in writing and producing poems around 1950s and 1990s. This research is implemented by writing and highlighting the background of J.M Aziz and the frequency of his poems being published in the media in chronological order. The research analysis is focused mainly on the human values instilled in his poems obtained from a book titled “Derita Seorang Seniman” which was compiled by Wahba. Among the great human values obtained from his poems are based on the theme of patience, hard work, gratefulness, piousness, goodness, lovingness and responsibility. All those human values are integrated and combined with the concept of integrated thinking system which has four thinking module known as genuine thinking, physical thinking, logical thinking and lateral thinking. The reason why the elaborations on human values are combined with the elaboration on the four thinking modules is to give a clear, purposeful and meaningful message to the readers. The approach of four thinking modules, which is introduced by Professor Dato’ Dr. Mohd Yusof Hasan is an approach that discusses the construction of paradigm, thinking and Malay heritage based on the National Philosophy of Education. A genuine thinking is a thinking of goodness, piousness, religiousness and the existence of only one God. Physical thinking is a thinking of excellence, luxury, greatness and intelligence. Logical thinking is a thinking of truthfulness, surety and correctness. Lastly, lateral thinking is a thinking of creativity, beauty and perfect ness. In conclusion, the research is not only to highlight the activeness and the hard work of J.M Aziz, but also to observe the adaptation and the correlation between the human values and the four thinking module **SPB4L**.

KANDUNGAN

Halaman

JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
 BAB 1	 PENGENALAN
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Kepentingan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Definisi Konsep	9
1.6.1 Nilai	9
1.6.2 Kemanusiaan	14
1.7 Kaedah Kajian	17

BAB 2**TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	19
2.2	Kajian Secara Umum	21
2.3	Kajian Di Dalam Negara	25
2.4	Kesimpulan	29

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	31
3.2	Modul-modul Pemikiran SPB4L	32
3.2.1	Pemikiran Luhur	37
3.2.2	Pemikiran Lahir	38
3.2.3	Pemikiran Logik	39
3.2.4	Pemikiran Lateral	40
3.3	Kesimpulan	42

BAB 4

**ANALISIS KEPENGARANGAN DAN NILAI-NILAI
KEMANUSIAAN KEMANUSIAAN DALAM SAJAK-SAJAK
J.M AZIZ BERDASARKAN PENDEKATAN SISTEM
PEMIKIRAN BERSEPADU 4L (SPB4L)**

4.1	Pengarang dan Kepengarangan J.M Aziz	45
4.1.1	Latar belakang J.M Aziz	46
4.1.2	Penglibatan dan sumbangannya di dalam bidang penulisan	48
4.1.3	Anugerah-anugerah yang diperolehinya	52
4.1.4	Penderitaan J.M Aziz	53
4.1.5	Keaktifan dan kegigihan J.M Aziz serta jumlah sajak-sajaknya mengikut kronologi	56

4.2 Analisis Nilai-nilai Kemanusiaan berdasarkan pendekatan SPB4L dalam sajak-sajak J.M Aziz berdasarkan buku “Derita Seorang Seniman”

4.2.1	Pemikiran Luhur	69
4.2.2	Pemikiran Lahir	89
4.2.3	Pemikiran Logik	96
4.2.4	Pemikiran Lateral	104
4.2.5	Kesimpulan	119

BAB 5 PENEMUAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	121
5.2	Penemuan	121
5.3	Kesimpulan	125
5.4	Cadangan	128

RUJUKAN

LAMPIRAN A : Sebahagian sajak-sajak yang dipetik daripada buku “Derita Seorang Seniman” untuk dijadikan kajian.

SENARAI JADUAL

JADUAL		Halaman
3.1	Kaedah Intrinsik (Dalaman) dan Kaedah Ekstrinsik (Luaran) Teori SPB4L dalam karya sastera.	43
4.1	Senarai kekerapan penghasilan puisi dalam tahun 50-an.	57
4.2	Senarai kekerapan penghasilan puisi dalam tahun 60-an	58
4.3	Senarai kekerapan penghasilan puisi dalam tahun 70-an	60
4.4	Senarai kekerapan penghasilan puisi dalam tahun 80-an	62
4.5	Senarai kekerapan penghasilan puisi dalam tahun 90-an	64

SENARAI SINGKATAN

r	Rangkap
b	Baris
SPB	Sistem Pemikiran Bersepada
4L	Empat pemikiran iaitu Luhur, Lahir, Logik dan Lateral
JM	Jiwa Merana



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan adalah cerminan kepada pemikiran dan perasaan sesebuah masyarakat yang dijalankan dengan bahasa yang indah dan puitis. Keindahan hasil kesusasteraan dapat memukau deria rasa dan perasaan serta mempengaruhi mentaliti pendokongnya. Setiap bangsa di muka bumi ini pasti mempunyai kesusasteraannya yang asli,sejati dan tersendiri. Namun begitu segala-galanya pasti akan bermula daripada tradisi pertuturan atau secara lisan, kemudian berkembang kepada kemahiran menulis dan kini kesusasteraan sudah menempa nama memasuki ruang siber. Perkembangan seperti ini

adalah sejajar dengan arus kemajuan perdana negara kita juga arus globalisasi dunia tanpa sempadan kini di peringkat antarabangsa.

Fenomena ini amat berbeza sekali kerana dalam sejarah dunia Melayu kesusasteraan hanya bermula di teratak rakyat pada zaman primitif kemudian berkembang di istana raja, menerjah keluar di ruang masyarakat perindustrian, dan kini memasuki dunia internet selari dengan kemajuan dunia kini. Jika kita lihat secara halusi ruang lingkup perjalanan kesusasteraan adalah seiring dengan ruang lingkup perjalanan tamadun manusia itu sendiri. Dengan kata lain, setiap zaman mencetuskan persoalan yang tersendiri kepada kemajuan kesusasteraan sesebuah bangsa dan secara langsung mencerminkan sejauhmanakah ketamadunan sesebuah bangsa itu dinilai.

Karya-karya sastera adalah melambangkan perasaan dan kreativiti penciptanya yang peka kepada keperluan semasa, keadaan persekitaran dan pengetahuan kreatif yang memang sudah sedia ada di dalam diri penciptanya lantaran minat yang mendalam di dalam bidang kesusasteraan. Setiap hasil karya sudah pasti akan mengandungi pelbagai pengajaran, amanat, persoalan yang ditimbulkan, nasihat dan sebagainya untuk tatapan dan renungan kepada para pembaca. Mesej yang hendak disampaikan oleh para pengkarya adalah berfokuskan kepada nilai-nilai kemanusiaan yang sangat tidak mengira sama ada pengkarya itu daripada kalangan penulis lelaki atau perempuan.

Kesusasteraan dianggap sebagai satu wadah atau satu ekspresi hidup yang amat penting kepada nilai kemanusiaan dan dijadikan alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia sehari-hari. Karya sastera walau di dalam apa bentuk sekalipun jelas banyak mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan yang dihasilkan oleh manusia seni . Sastera Melayu tradisional seperti pantun , syair ,sajak , gurindam , seloka dan cerita-cerita rakyat telah memulakan tradisi penerapan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat. Sastera Melayu moden melalui penulisan novel dan cerpen meneruskan kesinambungan tersebut menerapkan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat.

Penulisan dan penciptaan sajak adalah merupakan satu ciptaan dan serlahan pengucapan lisan yang indah membicarakan tentang sesuatu hal dan kejadian. Penyair yang kreatif akan menghasilkan sajak-sajaknya dengan menggunakan metafora yang segar. Dengan kata lain, setiap penyair mencipta sajaknya dengan tujuan untuk membawa para pembaca memahami dan mengalami sesuatu kehidupan dengan menyodorkan sesuatu situasi itu untuk difikirkan bersama.

Di negara kita Malaysia bumi subur lagi bertuah ini mempunyai ramai penyair yang berbakat besar dan berwibawa. Pungguk atau Muhammad Yasin Bin Mamor merupakan penyajak pertama yang menghasilkan sajak telah disiarkan di dalam Majalah Guru pada tahun 1934.Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) telah menghasilkan sajak-sajak kemanusiaan.Penyair Asas 50 menganggap sastera penting di mana unsur-unsur kemanusiaan amat wajar dimasukkan dalam setiap karya sastera. Peranan dan

kepentingan sastera terutama sekali menerusi sajak kepada masyarakat Melayu tidak pernah terhakis ditelan arus perubahan zaman malah masih diminati ramai sehingga kini.

Menerusi kajian ini , sampel kajian adalah tertumpu kepada penyair dan penyajak yang terkenal di tanah air . Beliau ialah saudara J.M Aziz atau nama sebenarnya Abdul Aziz bin Abdul Rahman . Nama J.M Aziz telah dicadangkan oleh Sasterawan Negara A.Samad Said bagi menggantikan nama Jiwa Merana yang sering digunakan sebelum ini.

Dari namanya J.M Aziz saja ia sudah melambangkan penderitaan. J.M Aziz pada mulanya bererti ‘Jiwa Merana’ saya menukarkannya semata-mata untuk cuba mengikis rasa derita yang terlampaui sangat dalam dirinya .

(1976: v)

Kasih J.M Aziz terhadap genre puisi tidak dapat dipertikaikan lagi . Sajak adalah tempat beliau mencerahkan segala pergolakan isi hati dan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan kepada pembaca . Buku yang menjadi sampel kajian sajak-sajak J.M Aziz ini ialah buku sajak “ Derita Seorang Seniman” yang menghimpunkan sajak-sajak J.M Aziz yang telah diseleggarakan oleh Wahba . Terdapat 143 buah sajak yang dimuatkan di dalam buku ini dalam tempoh masa 1960-an hingga tahun 1980-an. Sebanyak 57 buah sajak telah diambil oleh pengkaji untuk disuaikan dengan pendekatan **SPB4L**. Buku ini menjadi pilihan pengkaji kerana di dalamnya menghimpunkan sajak-sajak daripada pelbagai buku sajak J.M Aziz yang dihasilkan sebelum ini.

J.M Aziz merupakan seorang penyair yang istimewa . Walaupun cacat beliau mampu menghasilkan sajak-sajak yang bermutu dan penuh mesej . Ini dapat dibuktikan melalui pendapat Wahba seperti di bawah .

J.M Aziz memperlihatkan satu keistimewaan dalam kepuisiannya. Dia terlalu istimewa dalam semua bidang . Dengan kecacatannya dia masih lagi dapat menghidupkan sungai , pantai , laut , ikan , dan perahu, dan masih dapat merasai kemakmuran minyak yang terhasil dari bumi Terengganu .

(1991: 107)

Keunikan , keindahan dan kepuisan penggunaan perkataan oleh seseorang penyajak yang mahir seperti J.M Aziz menyebabkan sajak-sajaknya diminati ramai dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada para pembaca sungguhpun beliau telah meninggal dunia. Bak kata pepatah “ Harimau mati meninggalkan belangnya , manusia mati meninggalkan namanya.”

Selain daripada J.M Aziz terdapat ramai penyair lain seperti Sasterawan Negara iaitu A.Samad Said, Usman Awang, T.Alias Taib dan sebagainya. Sajak-sajak yang dihasilkan oleh para penyair ini mempunyai tujuan dan aspirasinya yang tersendiri. Susunan kata-kata yang indah, ringkas dan padat dengan mesej-mesej nilai kemanusiaan untuk disampaikan kepada golongan pembaca dan masyarakat umumnya dengan harapan agar setiap mesej yang dilontarkan akan dapat menyedarkan masyarakat dalam menangani sesuatu permasalahan dalam kehidupan seharian. Banyak hasil-hasil penulisan para penyair telah disiarkan di dalam beberapa majalah dan surat khabar harian sebagai salah satu cabang mempengaruhi minda masyarakat.

Bagi mencapai objektif kajian ini , kaedah penelitian kepustakaan akan dilaksanakan di beberapa tempat yang bertujuan untuk memulakan kajian di peringkat pembacaan dan pengumpulan sumber-sumber yang berkaitan dengan sajak-sajak J.M Aziz . Sumber-sumber yang menjadi rujukan pengkaji ialah buku-buku , jurnal , majalah , surat khabar , kertas kerja , laman web dan tesis .

Nilai-nilai kemanusiaan ini dapat dilihat dengan jelas melalui Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral yang diajar di sekolah-sekolah Matlamat Pendidikan Moral yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membentuk insan berakhhlak mulia , bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global .

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat secara khusus nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak-sajak ciptaan J.M Aziz merupakan penyajak yang berjaya menempatkan dirinya di persada dunia sajak tanah air.

Sajak-sajak J.M Aziz adalah antara karya terbaik dan bermutu tinggi terutama sekali dalam tahun 1960-an hingga 1980-an . Kennnedy X.J dan Dana Gioia (1995) berpendapat pengarang itu penting kerana dia berada dalam ruang dan masa yang terbaik dalam dirinya bagi menyatakan sesuatu yang positif kepada masyarakatnya.

Berdasarkan pernyataan tersebut , maka himpunan sajak-sajak karya J.M Aziz harus dan rasional untuk dijadikan garis panduan bagi mengenalpasti nilai-nilai kemanusiaan yang ditonjolkan oleh penyair ini. Pengkaji berhasrat untuk menjalankan satu penyelidikan dan kajian secara khusus serta mendalam terhadap sajak-sajak J.M Aziz

.

Kajian tentang nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak-sajak J.M Aziz ini dikaji dan dikaitkan dengan amalan-amalan peradaban Melayu yang terdapat di dalam buku Mohd Yusof Hasan yang bertajuk “ *Pendekatan Sistem Pemikiran Bersepadu*” yang banyak memfokuskan kepada pemikiran 4L iaitu pemikiran lahir, lahir , logik dan lateral. Maka dengan itu himpunan sajak-sajak J.M Aziz dijadikan bahan kajian dan dikaitkan dengan pendekatan **Sistem Pemikiran Bersepadu 4L** tersebut.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka dapat mengenengahkan hasil karya terbaik penyair terkenal iaitu J.M Aziz. Kajian ini diharapkan dapat mengukur sejauhmanakah mesej kemanusiaan yang hendak disampaikan oleh J.M Aziz dapat diekspositorikan oleh pengkaji. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan dan garis panduan kepada penghayatan isi sajak yang menampilkan nilai-nilai kemanusiaan .

Buku hasil karya dan susunan oleh Wahba yang bertajuk ” *Derita Seorang Seniman*” akan dijadikan bahan eksplotasi untuk mencungkil seberapa banyak sajak-

sajak J.M Aziz yang dihimpunkan dan dikaitkan dengan sistem pemikiran bersepadu 4L yang dianalisiskan di dalam bab 4 kajian ini. Nilai-nilai kemanusiaan yang akan dicungkilkan adalah nilai peradaban semasa yang akan menjadi panduan kepada kita untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan sehari-hari.

1.4 Objektif Kajian

Pemilihan penyair terkenal Terengganu ini iaitu J.M Aziz adalah berdasarkan beberapa faktor untuk mengkaji dan mengenangkan sajak-sajak beliau daripada sudut nilai-nilai kemanusiaan. Antara objektifnya adalah seperti berikut :-

- i. Mengenal pasti dan mencungkil keluar nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam sajak-sajak ciptaan J.M Aziz berdasarkan buku "Derita Seorang Seniman" dengan berpaksikan kepada pendekatan **Sistem Pemikiran Bersepadu 4L**.
- ii. Menerangkan dan memperlihatkan kegigihan serta keistimewaan kepengarangan J.M Aziz dalam bidang kepuisian dalam menghasilkan sajak-sajak yang bermutu tinggi mengikut kronologi.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada buku sajak ciptaan J.M Aziz iaitu buku tersebut “ Derita Seorang Seniman” yang diselenggarakan oleh Wahba. Kajian ini membataskan kepada tempoh masa ciptaan sajak J.M Aziz dari tahun 1960-an hingga tahun 1980-an.

Kajian ini juga terbatas kepada 57 buah sajak yang akan diteliti ciri-ciri kemanusiaan yang terdapat di dalamnya secara lebih mendalam. Kajian ini akan hanya menumpukan kepada hasil penciptaan J.M Aziz sahaja kerana beliau merupakan tokoh penyair negara yang pernah menerima pelbagai anugerah di peringkat negeri dan negara.

Kajian ini juga hanya tertumpu kepada penyair J.M Aziz kerana beliau merupakan seorang penyair yang istimewa iaitu walaupun cacat beliau masih mampu menghasilkan sajak-sajak yang bermutu dan penuh mesej kemanusiaan setanding dengan penyair lain yang sempurna pancaiederanya.

1.6 Definisi Konsep

1.6.1 Nilai

Nilai adalah berkaitan dengan kemanusiaan iaitu seakan-akan tidak dapat dipisahkan dalam membicarakan aspek kemurnian dalam kehidupan. Peratus kemanusiaan yang dijanjikan adalah disukat dan ditimbangtarakan dengan sejauhmana nilai-nilai ini

diekspoitasikan. **Nilai** mengikut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002: 930) mendefinisikan sebagai satu konsep taksiran harga, kadar, nisbah, darjat, kualiti, mutu, dan nilai kemasyarakatan. Menurut Nyia See Keng (2004: 18) konsep nilai dapat digarap dalam pelbagai aspek antaranya :-

- i) Nilai yang berkaitan dengan perkembangan diri seseorang
- ii) Nilai yang berkaitan dengan diri dan keluarga
- iii) Nilai yang berkaitan dengan diri dan masyarakat serta bangsa
- iv) Nilai yang berkaitan dengan diri dan alam sekitar
- v) Nilai yang berkaitan dengan diri dan negara

Nilai merupakan satu prinsip yang mengandungi peraturan-peraturan yang menjadi dasar dan landasan sastera Melayu kepada masyarakat yang mendokongnya. Peraturan-peraturan ini dijadikan pengukuran kepada segala tindakan dan tingkah laku masyarakat tersebut. Konsep nilai yang dinyatakan di atas ternyata amat berguna dalam kita mendalami sesebuah karya sastera sama ada karya puisi, cerpen dan novel. Nilai perkembangan diri adalah banyak berkisar kepada kepercayaan seseorang kepada tuhan, kebersihan fizikal dan mental seseorang , maruah dan harga diri seseorang, kesungguhan dan kerajinan serta komitmen seseorang terhadap tugas-tugas yang diamanahkan, berhemah tinggi dalam melaksanakan sesuatu tugas dan menjaga ketrampilan yang berhemah tinggi dan penuh kasih sayang.

Selain itu, konsep nilai yang ditekankan di sini juga adalah sifat bersederhana dalam segala hal. Kesederhanaan juga adalah amat dituntut oleh agama Islam di mana dengan bersederhana kita akan dapat membina imej yang sejati dan disenangi oleh masyarakat sekitar. Sifat kesederhanaan adalah amat berkaitrapat dengan kejujuran, baik hati dan berterima kasih yang seharusnya menjadi dinding dan amalan kita sebagai seorang mukmin. Berdasarkan *The Wikimedia Foundation ,Inc, a US-registered 501(c) tax-deductible nonprofit charity* ;

"Each individual has certain underlying values that contribute to their Value system. Integrity in the application of a "value" ensures its continuity And this continuity separates a value from benefits, opinions and ideas.'

Pernyataan di atas jelas menerangkan tentang bagaimana setiap individu yang mempunyai pentafsirannya yang tersendiri tentang konsep nilai dan membentuk satu sistem nilainya yang sendiri berdasarkan kepercayaan, pendapat dan buah fikiran yang bernalas dan ikhlas yang berpanjangan.

Berdasarkan *Wikipedia Foundation* lagi, Nilai dapat dibahagikan kepada beberapa kandungan seperti bentuk dan sifat (*characteristics*), definisi (*definition*), kategori (*categories*) dan sistem nilai (*value system*)). *The Wikimedia Foundation* menyatakan bahawa ;

Characteristics,

"Value are implicitly related to a degree of behavioural freedom or autonomy by human beings ; values steer or guide the person, on the basis of internally chosen options. Thus, value imply the (conscious) prioritising of different behavioural alternatives which are perceived to be possible for the individual. Values can apply to groups or individuals and can be both processes or goals. In example , democracy is both a process and a goal"

Definition,

From the Wiktionary entry;

“The quality (positive and negative) that renders something desirable or valuable “

“An ideal accepted by some individual or group”

“Value is a principle ,standards or qualities considered worthwhile or desirable by the person who holds them.Abstract ideas about what a society believes to be good ,right and desirable”

“Those qualities of behaviour, thought, and character that society regards as being intrinsically good , having desirable results, and worthy of emulation by others”

“Assumptions, convictions or beliefs about the manner in which people should behave and the principles that should govern behaviour”

“Values are our subjective reactions to the world around us. They guide our options and behaviour” Values have three important characteristics.

i) *Values are developed early in life and are very resistant to change.Values develop out of our direct experiences with people who are important to us ,particularly our parents.*

Categories

In this context a value is part of the core system from which one operates or reacts. The value can be grouped into six categories ;

- 1) *Ethics (good-bad, virtue-vice,moral-immoral-amoral,right-wrong, permissible-impermissible).*
- 2) *Aesthetics (beautiful, ugly, unbalanced, pleasing)*
- 3) *Doctrinal (political, ideological, religious or social beliefs and values)*
- 4) *Innate (inborn values such as reproduction and survival, a controversial category)*
- 5) *Non – use / passive – includes the value based on something never used or seen, or something left for the next generation.*
- 6) *Potential / option – the value of something that is not to be only potentially valuable, such as a plant that might be found to have medicinal value in the future.*

Value System

A value system is the ordered and prioritized set of values(usually of the ethical and doctrinal categories described above) that an individual's culture upholds.

Sastera bukan hanya sekadar untuk hiburan semata-mata tetapi lebih daripada itu di mana membicarakan tentang Pendidikan Moral .Kamaruddin Hj. Husin (1988 : 3) berpendapat bahawa karya sastera memiliki unsur-unsur yang tersirat. Sharifah Alwiah Alsagoff (1987 : 74) berpendapat ‘ nilai ‘ merupakan idea-idea yang dikongsi oleh masyarakat tentang apa yang baik , betul dan harus dicontohi. Kebanyakan karya sastera memiliki pelbagai ilmu , nilai dan unsur didaktik . Nilai-nilai kemanusiaan yang tersirat diterapkan kepada masyarakat yang membacanya. Karya sastera seperti sajak ciptaan J.M Aziz juga tidak ketinggalan menampilkan unsur-unsur kemanusiaan yang bertujuan mendidik masyarakat. Shahnon Ahmad banyak memperkatakan tentang peranan seni dalam penulisan ilmiah beliau . Beliau menyatakan bahawa bahawa peranan seni ialah :

“ Membina akhlak manusia yang baik mengikut Islam supaya manusia itu pula memainkan peranannya mengikut potensi dan keupayaan , membina peradaban manusia yang haq .
Kesusasteraan yang sebenar ialah kemanusiaan yang yang berakh�ak , kesusasteraan yang bermoral , bertujuan meningkatkan khidupan manusia .”

(1981 : 93)